

14 NOV 1996  
Mahathir-PNB  
PM SANGKAL KRITIKAN TERHADAP PNB

Oleh: Azman Ujang

KOUROU (French Guyana), 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak tanggapan bahawa penjualan syarikat-syarikat kepunyaan Permodalan Nasional Berhad (PNB) merugikan pemegang saham skim amanahnya dengan menegaskan bahawa kerajaan bukanlah begitu bodoh untuk berbuat demikian.

Katanya, kerajaan telah mengkaji secara mendalam setiap penjualan syarikat PNB kepada orang perseorangan dan apa yang berlaku ialah penjualan seumpama itu telah banyak menguntungkan pelabur skim amanah PNB dan bukan merugikan.

"Kita telah mengambil kira kepentingan lebih empat juta pemegang skim amanah saham PNB dan kita tidak sama-sekali mengorbankan kepentingan mereka semata-mata kerana pendapat orang-peseorangan yang mahu mendapatkan peluang yang lebih bagi diri mereka sendiri.

"Janganlah anggap kita ini begitu bodoh, sehingga tak fikir dahulu sebelum membuat sesuatu. Kita dah lama buat kerja ini dan penubuhan PNB itupun adalah idea kita dan bukannya idea orang lain dan kita tahu apa yang kita buat," kata Dr Mahathir pada persidangan media di sini selepas menyaksikan pelancaran satelit kedua Malaysia, MEASAT 2 di Pusat Angkasa Lepas Kourou.

Beliau berkata demikian sebagai menyangkal kritikan oleh Pengarang Kumpulan New Straits Times Datuk A. Kadir Jasin dalam ruangan pojoknya "Other Thots" Ahad lepas.

Kadir dalam ruangannya itu berkata, penjualan saham atau pelaburan terutama syarikat yang menguntungkan tidak harus dilakukan kecuali ia memberi keuntungan yang banyak dan keuntungan itu seterusnya dilaburkan ke dalam syarikat yang juga memberi keuntungan yang tinggi.

Kadir juga mahu PNB merasionalisasi syarikat-syarikat kepunyaannya atau menghadapi risiko kehilangan syarikat berkenaan kepada pihak-pihak berkepentingan.

Beliau lalu berhujah bahawa adalah penting bagi mereka yang berkenaan untuk tidak sahaja bercakap mengenai keadilan pengagihan kekayaan tetapi hendaklah mengamalkannya juga kerana tiada tempat lain lagi untuk mengamalkan keadilan pengagihan dengan lebih baik daripada di PNB.

Kadir khuatir kalau-kalau para pemegang unit skim amanah PNB akan hilang keyakinan terhadap pelaburan mereka dan mungkin mengeluarkannya, sambil menambah bahawa kepentingan berjuta-juta pemegang unit saham pelbagai skim amanah PNB itu adalah lebih penting daripada beberapa kerat syarikat atau ahli korporat.

Dr Mahathir yang menjawab dengan panjang lebar kritikan itu berkata, tujuan sesetengah syarikat PNB dijual kepada orang perseorangan yang mempunyai keupayaan ialah kerana dalam keadaan sekarang, PNB menjadi pemegang saham yang pasif memandangkan ia tidak mengambil bahagian dalam pengurusan serta tidak mempunyai komitmen sepenuhnya terhadap sesuatu perusahaan itu.

Sebaliknya, jika orang lain yang melaburkan wangnya sendiri dan bertanggungjawab ke atas pengurusan syarikat itu, dia akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada pengurusan dan menentukan supaya pelaburan itu mendatangkan hasil.

Apabila pelaburannya berhasil, orang lain juga mendapat faedah daripadanya kerana penjualannya bukan 100 peratus tetapi biasanya 30 peratus manakala yang lain masih dipegang oleh PNB.

Perdana Menteri berkata walaupun saham PNB dalam sesuatu syarikat itu dijual tetapi saham yang tinggal yang ada padanya akan membawa keuntungan yang tidak kurangnya daripada keuntungan semasa PNB memegang saham yang lebih banyak.

Dr Mahathir berkata apabila PNB menjual sahamnya, ia akan mendapatkan harga yang cukup baik daripada penjualan itu yang akan membolehkannya melabur dalam bidang lain.

"Kita harus ingat bahawa penjualan itu adalah kepada Bumiputera. Kita bercakap mengenai menyamakan Bumiputera dan bukan Bumiputera tetapi kalau Bumiputera hanya boleh menjadi pengurus bagi pihak orang lain, maka kita tidak akan mendapat Bumiputera yang betul-betul bertanggungjawab, yang betul-betul cekap dalam bidang pelaburan," katanya.

Mengenai 4.4 juta pemegang saham Amanah Saham Bumiputera, Perdana Menteri berkata: "Apa gunanya kalau kita ada 4.4 juta pemegang saham yang duduk diam sahaja dan tidak tahu langsung tentang pengurusan. Lagipun keuntungan tidak meningkat."

Tanggungjawab seseorang yang melabur wangnya sendiri dan tanggungjawab seorang pengurus yang cuba mengurus saham orang lain berbeza. Seseorang yang melaburkan wangnya sendiri mengambil berat tentang pelaburan itu dengan berusaha lebih cergas lagi untuk mendapatkan keuntungan maksimum daripada pelaburannya.

Menurut Dr Mahathir para pemegang skim amanah saham PNB tidak akan rugi bahkan akan untung kerana ia bukan diberi percuma tetapi dibeli dengan harga premium.

Dengan harga yang tinggi, nilai saham yang dipindahkan daripada PNB ke pihak lain akan meningkat dan ini sudah memberi keuntungan kepada PNB selain daripada PNB menjual dan mendapat balik modal yang dikeluarkan.

Sekali lagi beliau menegaskan: "Kita bukan bodoh. Kita telah membuat perkiraan dan kita fikir ini cara yang baik untuk mewujudkan usahawan yang berjaya.

"Jika kita tidak mahu melihat Bumiputera lain menjadi kaya melainkan diri kita sendiri sahaja, itu sikap yang mementingkan diri.

"Saya tak kisah Bumiputera mana yang menjadi kaya atau mereka menjadi 'billionaire' oleh kerana bantuan yang diberikan kerajaan, tetapi apa yang paling penting ialah mereka mesti mempunyai kebolehan," katanya.

"Kita tidak memberi dengan begitu sahaja, dan kepada sesiapa sahaja yang datang dan meminta untuk membeli syarikat PNB," katanya.

Sambil berseloroh, beliau berkata; "Jika wartawan minta untuk beli syarikat PNB, kita tak akan bagi". -- BERNAMA

AU NMO